




*Khutbah Jumaat 23 September 2022M / 26 Safar 1444H: "Sempurnakan Zakatmu"
Jabatan Agama Islam Selangor*

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

**TAJUK;
SEMPURNAKAN
ZAKATMU**



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"SEMPURNAKAN ZAKATMU".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٌ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَبِيعَتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا
أَخْرَجْنَا لَكُم مِّنَ الْأَرْضِ^ص

2

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

3

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

۱۶

5

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan mematuhi segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita diberikan kejayaan di dunia dan di akhirat.

6

Tajuk khutbah pada hari ini ialah "**SEMPURNAKAN ZAKATMU**".

Hadirin sidang jamaah yang dirahmati Allah sekalian,



Zakat adalah ibadah yang wajib di dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 267 yang dibacakan di awal khutbah yang bermaksud:

7

"Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (keluarkan zakat) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu."

Dalam menanggung amanah zakat ini, pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) sentiasa berusaha menyampaikan ilmu dan kefahaman agar ibadah zakat itu dapat ditunaikan dengan betul dan sempurna.

8

Hadirin jamaah yang dirahmati Allah,

Biar pun kewajipan membayar zakat tidak dapat dinafikan lagi, kerana ia adalah rukun Islam dan disebutkan dengan jelas di dalam al-Quran dan al-hadis; namun begitu, umat Islam perlu memahami bahawa kewajipan zakat itu perlulah datang seiring dengan ilmu pengetahuan yang betul. Apabila gagal memahami ibadah zakat, maka kesannya ialah pelaksanaan zakat juga akan menjadi salah.

9

Ini kerana, zakat diwajibkan dengan matlamat dan hikmah untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera dan di antara sumber utama kesejahteraan itu ialah apabila kekayaan dapat dikongsi bersama golongan yang memerlukan.



Perkongsian harta ini disebut oleh Allah SWT di dalam surah al-Ma'rij ayat 24-25:

10

وَالَّذِينَ فِي أُمُوْلِهِمْ حَقٌّ مَعْلُومٌ ۝ لِلسَّائِلِ وَالْمَحْرُومِ ۝

"Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)."

Selain daripada itu, zakat juga dapat mengelakkan berlakunya kejadian yang buruk dalam masyarakat. Kejadian jenayah yang berkaitan dengan kemiskinan, misalnya mencuri, merompak, meragut dan sebagainya boleh ditangani dengan berkesan jika zakat dilaksanakan dengan betul.

11

Ini kerana, zakat itu sendiri sifatnya menghalang kekayaan itu daripada hanya berlegar dalam kalangan orang-orang kaya sahaja, dan menyakiti hati dan perasaan orang-orang miskin.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Hasyr ayat 7:

12

كَمْ لَا يَكُونَ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ

"...ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dalam kalangan kamu."



Muslimin yang dirahmati Allah,

Hukum atau fatwa ke atas zakat juga berubah mengikut perubahan keadaan, tempat dan masa, seiring dengan dunia ini juga yang terus berkembang. Maka, umat Islam hendaklah sentiasa ambil tahu tentang perubahan-perubahan fatwa zakat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dari semasa ke semasa. Kegagalan mengikuti perubahan fatwa boleh menyebabkan zakat yang ditunaikan juga tidak sempurna.

13

Misalnya pada tahun 2017 yang lalu, Fatwa Kutipan Zakat 2013 telah dipinda dan ia melibatkan perubahan yang besar kepada banyak corak kutipan zakat di Selangor. Antaranya ialah, harta yang dikenakan zakat pendapatan telah ditambah, iaitu dengan memasukkan pemberian pihak lain yang diperolehi bukan dari sumber pekerjaan sebagai wajib dizakatkan. Manakala, kaedah taksiran zakat wang simpanan juga diubah daripada mengambil baki terendah kepada baki di penghujung tahun.

14

Begitu juga dengan fatwa ke atas pengeluaran wang dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu setiap pengeluaran adalah diwajibkan zakat pada saat wang itu diperolehi dan bukannya dikeluarkan zakat selepas setahun diperolehi.

15

Malah ada satu ketetapan lebih besar telah difatwakan, iaitu umat Islam wajib menggabungkan empat jenis harta semasa mengira zakatnya. Empat jenis harta berkenaan adalah wang simpanan, wang pelaburan, emas bukan perhiasan dan emas perhiasan yang melebihi uruf kebiasaan atau melebihi 800 gram.

16



Pada tahun 2021 yang lalu, sebuah fatwa mengenai zakat ke atas matawang kripto turut diluluskan di Selangor. Maka, umat Islam yang mencipta kekayaan dengan cara melabur atau menyimpan dalam matawang kripto wajib menunaikan zakatnya,

17

seiring dengan hadis Nabi Muhammad SAW bersabda:

وَأَدُّوا زَكَّةَ أَمْوَالِكُمْ

18

"Dan tunaikan zakat atas harta kekayaan kalian."

(Riwayat al-Tirmizi).

Oleh itu, umat Islam yang tinggal atau berada di negeri Selangor adalah wajib mentaati semua fatwa ini kerana ia adalah perintah ulil amri, di bawah pemerintahan DYMM Sultan Selangor, sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 59:

19

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ أَلْأَمْرُ
مِنْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

20



Seiring dengan perkembangan zaman juga, maka LZS telah menerokai pelbagai kaedah baharu untuk memudahkan urusan zakat, sama ada kutipan mahu pun agihannya.

Misalnya, dalam isu bayaran zakat, umat Islam boleh memilih untuk melaksanakan kewajipan zakat tanpa perlu hadir ke mana-mana kaunter zakat secara fizikal. Mereka boleh menghubungi talian khidmat pelanggan dan bertanya pelbagai persoalan zakat, ataupun lebih mudah mereka boleh membuat taksiran zakat secara persendirian dengan hanya memuat turun aplikasi zakat di internet termasuklah di telefon bimbit masing-masing.

21

Umat Islam hanya perlu memasukkan maklumat jumlah harta mereka sahaja dan seterusnya, ia akan dikira secara automatik oleh komputer. Seterusnya, jawapan sama ada mereka layak membayar zakat ataupun tidak akan diberikan. Selanjutnya, mereka boleh langsung membuat pembayaran menerusi pelbagai saluran internet yang disediakan.

Seiringan dengan matlamat untuk menggalakkan dan memudahkan umat Islam membayar zakat, maka bermula 15 Jun sehingga 31 Julai 2022 yang lalu, LZS juga telah menjalankan kempen Bulan Taksir Zakat kepada seluruh umat Islam di negeri ini.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai **Bulan Taksir Zakat** dan semua pengiraan ke atas zakat ini, kita bolehlah merujuk kepada laman web LZS iaitu di zakatselangor.com.my atau memuat turun aplikasi ZakatSelangor di telefon tangan masing-masing.

22



Apakah hasil daripada kutipan zakat yang tinggi ini kepada umat Islam di Selangor?

Jawapannya ialah, ia dapat menyantuni lebih setengah juta umat Islam yang memerlukan khususnya dari kalangan fakir, miskin, muallaf, orang yang sakit, anak-anak yang belajar di universiti dan sebagainya lagi.

Misalnya pada tahun 2021 yang lalu, dengan kutipan zakat sebanyak RM992.9 juta maka sebanyak RM929 juta telah diagihkan kembali kepada lapan asnaf. Ia melibatkan lebih 60,000 buah keluarga asnaf fakir, miskin dan muallaf dari pelbagai daerah.

23

Zakat juga membolehkan LZS melaksanakan banyak program pembangunan asnaf di Selangor, misalnya bantuan kewangan bulanan, sewa rumah, baik pulih rumah, menanggung kos perubatan asnaf, meneruskan bantuan pendidikan rendah, menengah dan tinggi, dermasiswa, bimbingan dan perlindungan kepada asnaf yang ditimpa masalah sosial, menganjurkan kelas-kelas pendidikan muallaf, bantuan modal perniagaan asnaf, membiayai atau mendanai usaha dakwah dan banyak lagi.

24

Mengakhiri khutbah kali ini, berikut adalah beberapa perkara yang boleh dijadikan pedoman:

1. Umat Islam hendaklah sama-sama mengambil tanggungjawab dengan membuat kiraan atau taksiran zakat yang betul seperti mana ditetapkan oleh syarak.
2. Umat Islam juga hendaklah menyedari bahawa perbuatan menghina, mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan mana-mana fatwa adalah satu kesalahan.
3. Umat Islam juga hendaklah membayar zakat di kaunter-kaunter LZS di seluruh negeri, atau melalui medium *online* dan aplikasi ZakatSelangor demi memastikan ia benar-benar berkesan kepada asnaf yang menerimanya.

25



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَلَمْ يَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ هُوَ يَقْبُلُ التَّوْبَةَ عَنِ عِبَادِهِ وَيَأْخُذُ الصَّدَقَاتِ وَأَنَّ
اللَّهَ هُوَ الْتَّوَابُ الرَّحِيمُ

26

"Tidakkah mereka mengetahui bahawa Allah Dialah yang menerima taubat dari hamba-hamba-Nya, dan juga menerima sedekah-sedekah (dan zakat serta membalaunya) dan bahawa sesungguhnya Allah Dialah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani?"

27

(al-Taubah : 104).

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

3

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

4

إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكِتَهُ وَيُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْعُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِمُوا تَسْلِيمًا

5

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

6

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

7

اللَّهُمَّ أَعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكُفَّارَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.

8



اللَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،

9

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

10

اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليِ
عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ،

11

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

12

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

16

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.

17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ
وَالْمِحَنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

18

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَتْنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَاماً.
رَبَّنَا إَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.

19

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾

20

فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ
فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

21